



**Suruhanjaya Sekuriti**  
Securities Commission  
Malaysia

Lembaga Pemantauan Audit  
Laporan Tahunan

**2017**

# Pernyataan Misi

Memupuk pengauditan bebas berkualiti tinggi bagi memelihara keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit entiti berkepentingan awam dan kumpulan wang jadual di Malaysia.



© Lembaga Pemantauan Audit, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia  
2018

**Alamat**  
No. 3 Persiaran Bukit Kiara  
Bukit Kiara  
50490 Kuala Lumpur  
Malaysia

**Telefon**  
+603 6204 8900

**Laman sesawang**  
<http://www.sc.com.my/audit-overight-board>      [www.investsmartsc.my](http://www.investsmartsc.my)

**Faks**  
+603 6201 1888

Tarikh akhir bagi data yang dinyatakan dalam laporan ini adalah 31 Disember 2017

# Kandungan

## 4 Perutusan Pengerusi



- 8 **BAHAGIAN 1**  
**Memupuk Pengauditan Bebas Berkualiti Tinggi dalam Pasaran Modal**
- 10 Memperkuuh Kehendak Kawal Selia
- 11 Memacu Perkembangan Menyeluruh Profesion Pengauditan  
**Artikel:**
  - Tinjauan ke atas Profesion Pengauditan
  - Kajian Bersama AOB-MIA-ACCA mengenai Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan (EAR): Ulasan Pengalaman Pelaksanaan Tahun Pertama di Malaysia
- 14 Memperkasa Pemeriksaan Berasaskan Risiko
- 16 Keputusan Penguatkuasaan yang Tertumpu dan Berkesan
- 17 Komunikasi dan Kerjasama yang Berkesan dengan Pihak Berkepentingan  
**Artikel:**
  - Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR) untuk Menandatangani Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala berkenaan Kerjasama Pertukaran Maklumat untuk Pemantauan Audit
- 19 Sekilas Pandang 2017: Pembabitan Bersama Pihak Berkepentingan



- 22 **BAHAGIAN 2**  
**Penyata**
- 23 Ahli-ahli Lembaga Pemantauan Audit
- 31 Penyata Tadbir Urus  
**Artikel:**
  - Pengukuhan Bahagian IIIA Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993
- 35 Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit
- 54 **BAHAGIAN 3**  
**Statistik dan Lain-lain**
- 55 Pendaftaran dan Pengiktirafan Juruaudit Malaysia
- 57 Pergerakan Pelanggan Audit
- 60 Tindakan Penguatkuasaan
- 61 Akronim dan Singkatan
- 62 Definisi



# Perutusan Pengerusi



Saya dengan berbesar  
hati membentangkan  
*Laporan Tahunan Lembaga  
Pemantauan Audit (AOB)*  
bagi tahun berakhir  
31 Disember 2017

— Dato' Gumuri Hussain

## MENGEKALKAN MOMENTUM

Juruaudit merupakan salah satu pengawal utama dalam pasaran modal dan mereka berperanan penting dalam ekosistem pelaporan kewangan. AOB mengawal selia juruaudit syarikat kepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual. Kerja-kerja AOB bermatlamat untuk meningkatkan keyakinan pelabur terhadap integriti pelaporan kewangan.

Sebagai pengawal selia, kami sentiasa sedar akan pasaran modal yang dinamik dan semakin berkembang serta keperluan bagi kami agar lebih responsif terhadap perubahan yang berlaku di sekeliling kami. Untuk sentiasa peka terhadap perubahan ini dan memastikan keberkesanan berterusan AOB, kami telah membuat semakan terhadap Bahagian IIIA Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 (SCMA). Pindaan tersebut berkuat kuasa pada 24 November 2017 dan merangkumi perubahan kepada skop pengawalseliaan, tadbir urus AOB dan hal-hal yang berkaitan dengan fi dan caj. Buat pertama kali semenjak penubuhan AOB pada 2010, fi pendaftaran dan pengiktirafan telah dinaikkan dari RM5,000 kepada RM8,000.

Untuk meningkatkan struktur tadbir urus AOB, jawatan saya telah ditukar kepada Pengerusi Bukan Eksekutif AOB. Alex Ooi Thiam Poh yang menyertai AOB sebagai Pengarah pada Januari 2017 telah dilantik sebagai Pegawai Eksekutif dan akan bertanggungjawab ke atas pentadbiran harian AOB.

AOB telah beralih ke Fasa 2 pembangunannya. Pelan Strategik 2017-2020 menggariskan fasa seterusnya dengan menangani bidang baharu dan mengukuhkan bidang sedia ada dengan memberi lebih tumpuan kepada penglibatan bersama pihak berkepentingan untuk menggalakkan amalan audit berkualiti tinggi.

Sukacita saya juga ingin memaklumkan bahawa AOB telah berjaya mencapai tahap baharu dalam kerjasama antarabangsa dengan menandatangani Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala (MMoU) Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR) yang ditandatangani berkaitan Kerjasama Pertukaran Maklumat bagi Pemantauan Audit. Penyertaan AOB dalam MMoU tersebut akan menyumbang tahap kerjasama yang lebih besar melalui pertukaran maklumat dalam kalangan penandatangan MMoU IFIAR berhubung pemantauan terhadap juruaudit di luar negara dan di Malaysia. Langkah-langkah sedang dilaksana untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam kalangan pihak penandatangan MMoU bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala dan pelbagai hala.

## LANDSKAP PENGAUDITAN

Ketika ini, satu-satunya perkara yang kekal berterusan ialah perubahan. Begitu juga dengan landskap pengauditan yang telah berkembang, dengan pengenalan teknologi baru seperti analisis data dan robotik. Walau bagaimanapun, kepentingan kualiti audit dan peranan yang dimainkannya dalam memastikan kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit entiti kepentingan awam dan kumpulan wang jadual di Malaysia, tetap kekal berterusan. AOB terus menekankan kehendak ini ketika penglibatannya bersama juruaudit dan pihak berkepentingan.

Pada 2017, bilangan juruaudit individu yang berdaftar terus meningkat, walaupun terdapat sedikit penurunan dalam bilangan firma audit berdaftar. Setakat 31 Disember 2017, terdapat 54 firma audit dan 351 juruaudit individu (2016: 56 firma audit dan 344 juruaudit individu) yang berdaftar dan diiktiraf oleh AOB.

Bermula pada tahun ini, pemerhatian pemeriksaan tahunan akan diterbitkan secara berasingan. Ini akan membolehkan lebih tumpuan diberikan kepada butiran seperti pemerhatian pemeriksaan yang lazim, analisis trend, analisis punca sebenar serta penilaian tindakan pemulihan yang diambil oleh firma audit yang telah diperiksa. Kami menjangkakan, laporan tersebut akan menggalakkan perbincangan yang mantap dalam kalangan juruaudit dan jawatankuasa audit serta pengurusan PIE dan kumpulan wang jadual.

## PENGUATKUASAAN

AOB memandang serius terhadap semua kes ketidakpatuhan. Sejak penubuhan AOB, AOB telah menetapkan jangkaannya yang jelas ke atas juruaudit yang berdaftar dan diiktiraf. AOB tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya apabila perkara yang membabitkan ketidakpatuhan dikenal pasti. Pada tahun ini, AOB telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap empat juruaudit individu kerana kegagalan mereka mematuhi keperluan yang berkaitan dengan piawaian pengauditan yang diluluskan ketika mengaudit entiti awam tersenarai. Tindakan penguatkuasaan yang dikenakan termasuk mengenakan celaan dan penalti monetari.

## PENGHARGAAN

Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Che Zakiah Che Din atas sumbangan beliau kepada Lembaga Pemantauan Audit. Saya juga mengalu-alukan Marzunisham Omar, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) dan Alex Ooi Thiam Poh, Pegawai Eksekutif AOB untuk menyertai Lembaga Pengarah.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli Lembaga atas nasihat dan sokongan mereka yang tidak ternilai. Kepada pasukan pengurusan dan warga kerja kami, terima kasih atas dedikasi dan kerja keras anda semua.



**Dato' Gumuri Hussain**



Bahagian 1

# Memupuk Pengauditan Bebas Berkualiti Tinggi dalam Pasaran Modal



Landskap pengauditan moden mengalami situasi yang sentiasa berubah-ubah, dan kepentasan ini didorong oleh faktor-faktor seperti teknologi dan demografi. Namun demikian, penekanan terhadap perihal pentingnya kualiti audit dalam memelihara kepercayaan orang awam dan meningkatkan keyakinan pelabur dalam pasaran modal kekal konsisten.

AOB sentiasa sedar mengenai tanggungjawab kawal selianya dan mengambil langkah-langkah wajar untuk terus menyemak aktiviti pendaftaran, penyelidikan, pemeriksaan dan penguatkuasaannya dalam menangani cabaran baharu yang mungkin timbul.

Pelan Strategik AOB 2017 – 2020 mencerminkan matlamat AOB untuk menuju ke arah Fasa 2 pembangunannya (Rajah 1). Fasa 1 memberi tumpuan untuk menggalakkan amalan pengauditan yang berkualiti tinggi melalui aktiviti pemantauan AOB, mempengaruhi pihak berkepentingan untuk memastikan kualiti audit kekal tinggi dalam agenda mereka, memanfaatkan sokongan pihak berkepentingan dan penerimaan serta pelaksanaan piawaian.

Usaha AOB telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa antara lain, daripada Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA) dan Suruhanjaya Eropah (EC). Pengiktirafan ini terus menekankan rangka kerja pengawalseliaan AOB adalah setanding dengan amalan terbaik antarabangsa. AOB kekal fokus kepada mandatnya untuk memupuk pengauditan bebas yang berkualiti tinggi dalam pasaran modal.

Bidang tumpuan untuk Fasa 2 telah dibangunkan selepas pertimbangan yang teliti dilakukan terhadap trend, risiko dan keperluan pelaporan korporat semasa yang memberi kesan kepada landskap pengauditan. Pelan Strategik tersebut dirangka untuk bertindak balas kepada pasaran modal yang dinamik dan berkembang. Ia akan kerap dinilai untuk memastikan fokus AOB adalah terkini dan relevan.

Sorotan aktiviti AOB untuk mencapai matlamatnya dinyatakan dalam bahagian seterusnya laporan ini.

Rajah 1  
Tema Rangka Kerja Strategik AOB



## Memperkuuh Kehendak Kawal Selia

AOB menekankan kehendak kawal selia melalui tiga fungsi - pendaftaran dan pengiktirafan, pemeriksaan dan penguatkuasaan. Juruaudit adalah dikehendaki layak dan sesuai dan memenuhi piawaian yang diperlukan untuk pendaftaran dan pengiktirafan. Apabila telah didaftarkan atau diiktiraf, firma audit tersebut bertanggungjawab untuk memastikan firma audit dan rakan kongsinya yang berdaftar atau diiktiraf oleh AOB kekal layak dan sesuai seperti yang dikehendaki oleh SCMA. Pemeriksaan AOB menilai pematuhan mereka kepada piawaian serta peraturan dan tindakan penguatkuasaan akan dipertimbangkan terhadap mereka yang gagal mematuhi.

Pada 2017, AOB terus berbincang dengan juruaudit berdaftar dan juruaudit asing yang diiktiraf yang sedia ada dan yang baharu, untuk memperkuuh kehendak AOB berhubung dengan sistem kawalan kualiti mereka. Ini adalah sejajar dengan usaha untuk memastikan penyata kewangan teraudit di Malaysia kekal sebagai sumber maklumat yang boleh dipercayai kepada penggunaanya. Sepanjang tahun ini, AOB juga mengukuhkan pemantauannya terhadap juruaudit asing yang diiktiraf melalui kerjasama erat dengan pihak berkuasa luar negara yang berkaitan.

### Sorotan 2017

- Mempertingkatkan komunikasi mengenai kehendak terhadap sistem rangka kerja kawalan dalaman bagi firma audit yang ingin berdaftar dengan AOB, melalui:
  - Perbincangan dengan firma audit yang telah menunjukkan minat untuk berdaftar dengan AOB; dan
  - Berkongsi amalan terbaik supaya firma audit boleh meningkatkan proses dalaman mereka agar bersedia untuk menjalankan pengauditan ke atas PIE dan kumpulan wang jadual, sebelum pendaftaran dengan AOB.
- Mempertingkat proses pengiktirafan juruaudit asing yang menjalankan pengauditan ke atas syarikat asing yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
- Kerjasama dan komunikasi yang lebih baik dengan pihak berkuasa tempatan dan luar negara yang berkaitan, untuk terus memastikan pengauditan penyata kewangan PIE dan kumpulan wang jadual hanya dilaksanakan oleh juruaudit yang memenuhi kriteria "layak dan sesuai".

## Memacu Perkembangan Menyeluruh Profesion Pengauditan

Pada 2017, AOB terus mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai operasi dan cabaran yang dihadapi oleh 10 firma audit terbesar berdasarkan permodalan pasaran syarikat awam tersenarai (PLC) pelanggan audit firma-firma tersebut di Malaysia (10 Firma Audit Terbesar), dan bagaimana ini memberi kesan terhadap kualiti audit. Firma-firma audit tersebut secara kolektif mengaudit 921 PIE dan 987 kumpulan wang jadual yang masing-masing mewakili 97.76% daripada permodalan pasaran PLC dan 99.79% daripada jumlah nilai aset bersih (NAV) kumpulan wang jadual di Malaysia pada 31 Disember 2017.

AOB juga menjalankan kajian mengenai trend masa lalu di peringkat firma audit dan tugas, untuk memahami dengan lebih jelas hubungan antara hasil

pemeriksaan yang lalu dan punca sebenar yang berpotensi. Kajian tersebut tertumpu kepada pengenalpastian ciri-ciri firma audit yang lebih baik serta petunjuk utama bagi kualiti audit di peringkat tugas.

AOB juga akan terus terlibat, memantau dan menganalisis trend industri, dan memberi tumpuan terhadap kesan yang berpotensi ke atas kualiti audit. Pemerhatian dan maklum balas yang diterima akan sentiasa disemak, dengan membuat penambahbaikan kepada proses pengumpulan data bagi memastikan butiran yang diperolehi adalah mencukupi. Sehubungan itu, kerjasama berterusan daripada firma audit untuk menyediakan data yang tepat adalah penting untuk memperoleh nilai berkekalan daripada analisis yang dijalankan.

### Sorotan 2017

- Mengumpul, menganalisis dan mengeluarkan keputusan Pengumpulan dan Analisis Statistik 2016 yang dilaksanakan bersama industri audit untuk membolehkan penanda aras prestasi, sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan kapasiti AOB.
- Meluaskan usaha analitikal untuk mengenal pasti statistik dan petunjuk kolerasi bersilang yang lebih baik yang berkaitan dengan kualiti audit.
- Menganalisis perlaksanaan *Laporan Juruaudit Dipertingkat* (EAR) dan mengenal pasti penambahbaikan melalui kajian bersama Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA). “*Enhanced Auditors’ Report (EAR) – A Review of First-Year Implementation Experience in Malaysia*” telah dilancarkan secara rasmi pada Januari 2018.

## Tinjauan ke atas Profesional Pengauditan

Sejajar dengan usaha pembangunan kapasiti yang sedang dijalankan, AOB telah berkongsi keputusan analisis statistik yang dikemukakan oleh 10 Firma Audit Terbesar bersama profesion pengauditan bagi membolehkan usaha untuk menanda aras prestasi.

Rajah 2  
Rangka kerja Pengumpulan dan  
Analisis Statistik AOB



Sumber: AOB

“Firma audit menghargai perkongsian maklumat tersebut, terutamanya tanda aras prestasi mereka dengan purata industri. Perbincangan dan perkongsian sedemikian akan memudahkan pengenapstian bidang yang memerlukan penambahbaikan, bagi firma audit masing-masing dan profesion pengauditan keseluruhannya.”

Maklum balas yang diperolehi melalui perbincangan dengan firma audit digunakan untuk meningkatkan dan memperkemas pendekatan pengumpulan data AOB. Sebagai contoh, dalam pelaksanaan pengumpulan statistik 2017 AOB, lebih banyak tinjauan dijalankan dalam bidang seperti tahap komitmen dan sokongan firma audit terhadap latihan dan pembangunan, termasuk kelayakan profesional yang diusahakan oleh ahli-ahli pasukan tugas. Keputusan analisis terperinci AOB akan dikongsi dalam laporan pemeriksaan berasingan yang dijangkakan akan dikeluarkan pada 2018.

## **Kajian Bersama AOB-MIA-ACCA mengenai Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan (EAR): Ulasan Pengalaman Pelaksanaan Tahun Pertama di Malaysia**

Piawaian pelaporan juruaudit yang dipertingkatkan tersebut telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa (IAASB) dan diterima pakai di Malaysia pada 2015, dan berkuat kuasa pada 15 Disember 2016.

Satu kajian bersama yang dijalankan oleh AOB, MIA dan ACCA pada tahun ini. Kajian ini melengkapi usaha prapelaksanaan awal oleh SC seperti penubuhan Jawatankuasa Pemandu yang terdiri daripada perwakilan<sup>1</sup> dari pengawal selia, profesion perakaunan dan pengauditan, dan syarikat tersenarai awam pada Jun 2015 untuk mengenal pasti isu-isu dan risiko pelaksanaan, serta merangka strategi dan menyediakan panduan mengenai isu dan risiko yang dikenal pasti.

Hasil kajian ini adalah berdasarkan semakan semula EAR dan sampel laporan tahunan 190 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia dengan tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2016, serta soal selidik dan pandangan maklum balas berfokus daripada lebih 170 ahli jawatankuasa audit dan pelabur.

Hasil kajian yang penting adalah:

- Perbincangan di peringkat jawatankuasa audit mengenai risiko dalam pelaporan kewangan dengan juruaudit dan pengurusan adalah lebih tertumpu dan kukuh, meletakkan jawatankuasa audit dalam kedudukan yang lebih kukuh untuk memastikan kebertanggungjawapan bagi pihak pelabur.
- Proses audit telah diperkuuhkan menerusi penglibatan rakan audit yang lebih telus dalam perbincangan dengan jawatankuasa audit, secara khususnya disebabkan oleh keperluan pertimbangan dan perbincangan yang mendalam berkenaan Hal Audit Utama (KAM).
- Kumpulan Pengurusan mengambil usaha yang lebih besar untuk meningkatkan penzahiran KAM dalam laporan tahunan.
- EAR telah meningkatkan kerelevan dan nilai laporan juruaudit. Pelabur memperoleh maklumat yang lebih baik berkenaan risiko dalam pelaporan kewangan syarikat pelaburan mereka serta proses auditnya.

Laporan lengkap diumumkan pada Januari 2018 dan boleh didapati melalui laman sesawang SC.

---

<sup>1</sup> Jawatankuasa Pemandu tersebut dipengerusikan oleh SC, dan AOB bertindak sebagai sekretariat. Ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu terdiri daripada wakil-wakil dari SC, Bank Negara Malaysia (BNM), Bursa Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Persekutuan Syarikat-Syarikat Awam Tersenarai (FPLC), Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM), MIA dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)


## Memperkasa Pemeriksaan Berasaskan Risiko

Selaras dengan seksyen 31V(1) Bahagian IIIA SCMA, AOB menjalankan pemeriksaan lazim ke atas juruaudit entiti berkepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual dengan matlamat untuk menggalakkan audit berkualiti tinggi dan kebolehpercayaan penyata kewangan.

Program pemeriksaan lazim yang dijalankan oleh AOB meliputi semakan di peringkat firma dan tugas. Semakan di peringkat firma melibatkan penilaian reka bentuk dan keberkesanan operasi sistem kawalan kualiti sesuatu firma berdasarkan keperluan Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti 1, *Quality Control for Firms that Perform Audits and Review of Financial Statements, and Other Assurance and Related Services Engagements*. Sebaliknya semakan tugas melibatkan penilaian terhadap pematuhan juruaudit dengan Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan (ISA) serta standard etika yang berkaitan.

AOB menerima pakai fokus berasaskan risiko dalam menjalankan pemeriksaan dan mempertimbangkan pendedahan dan impak kegagalan sesuatu audit kepada pasaran modal dan keyakinan awam ketika membangunkan pelan pemeriksaan. Pada masa yang sama, pelan pemeriksaan mengandungi semakan tematik. Untuk mengelak wujudnya pemerhatian pemeriksaan berulang pada masa hadapan, firma-firma audit adalah diminta untuk menyerahkan tindakan pemulihan untuk menangani pemerhatian pemeriksaan AOB. Tindakan pemulihan

Rajah 3  
Liputan Pemeriksaan 2017



ini perlu dilaksanakan dalam tempoh satu tahun. Firma-firma tersebut juga dikehendaki melapor kepada AOB mengenai kemajuan tindakan pemulihan mereka, pada setiap suku tahun, yang mana pelaksanaan dan keberkesanan tindakan pemulihan akan dinilai semula pada pemeriksaan akan datang ke atas firma tersebut.

## Sorotan 2017

- Menjalankan pemeriksaan tematik dengan fokus ke atas trend ekonomi dan perkembangan audit, perakaunan dan pengawal seliaan:
  - Pelaksanaan *Piawaian Pelaporan Baharu dan Disemak Semula*, yang telah berkuatkuasa untuk audit bagi penyata kewangan dengan tahun kewangan berakhir pada atau selepas 15 Disember 2016; dan
  - Industri yang terkesan oleh volatiliti harga minyak mentah baru-baru ini; dan
  - Kumpulan wang jadual dan syarikat pengurusan aset yang berkaitan.
- Untuk mengurangkan risiko kegagalan audit pada masa hadapan, tindakan-tindakan berikut telah diambil sepanjang tahun:
  - Mengenakan tindakan pemulihan spesifik ke atas firma-firma audit dan juruaudit individu; dan
  - Rujukan dibuat ke Bahagian Penguatkuasaan kerana pemerhatian pemeriksaan yang serius ditemui.
- Membuat tindakan susulan ke atas pelaksanaan pelan pemulihan yang efektif melalui pembabitan kukuh dengan firma-firma audit ke atas pengendalian rangka kerja analisis punca sebenar untuk mengelak pemerhatian pemeriksaan dalaman dan luaran berulang semula.

## Keputusan Penguatkuasaan yang Tertumpu dan Berkesan

Menurut Seksyen 31W Bahagian IIIA SCMA, AOB boleh memulakan siasatan terhadap juruaudit berdaftar dalam situasi apabila perlanggaran mana-mana peruntukan Bahagian IIIA SCMA 1993, perlanggaran atau ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 31O(3) SCMA atau sebarang notis bertulis atau garis panduan yang dikeluarkan oleh SC.

Prinsip keberkadarhan, kecekapan dan pencapaian keputusan yang disasarkan terus menjadi prinsip dalam pendekatan penguatkuasaan strategik yang dilaksanakan oleh AOB. Dalam melaksanakan sekatan yang sewajarnya bagi sesuatu kes, AOB mempertimbangkan jenis dan keseriusan kesalahan dan mana-mana pertimbangan faktor memburukkan atau meringankan.

### Rayuan Kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Menurut SCMA, pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan AOB boleh mengemukakan rayuan kepada Lembaga SC. Lembaga SC mempunyai kuasa untuk mengesahkan, mengetepikan atau menggantikan keputusan AOB. Keputusan AOB tidak akan dikuatkuasakan sehingga rayuan itu selesai.

Pada tahun ini, AOB telah mencela dan mengenakan penalti monetari sebanyak RM225,000 ke atas seorang juruaudit atas kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat pendaftaran ketika mengaudit PIE. Juruaudit tersebut telah merayu kepada Lembaga SC. Rayuan ini masih lagi belum selesai.

Di samping itu, satu lagi rayuan telah dikemukakan kepada Lembaga SC berkaitan dengan kuantum penalti monetari yang dikenakan oleh AOB terhadap seorang juruaudit. Selepas menyemak dan mempertimbangkan fakta kes, Lembaga SC mengekalkan keputusan AOB.

### Cabarani Perundangan

Sebagai badan berkanun yang melaksanakan fungsinya di bawah undang-undang sekuriti, keputusan SC adalah tertakluk kepada semakan kehakiman oleh pihak-pihak yang terjejas. Berhubung dengan perkara ini, sebuah Firma Audit dan dua rakan kongsinya telah memfailkan permohonan untuk semakan kehakiman bagi mencabar keputusan SC menolak rayuan mereka terhadap keputusan AOB untuk membatalkan pendaftaran mereka dengan AOB. Kes ini masih berterusan.

### Sorotan 2017

- Pemberian mesej yang lebih kuat kepada juruaudit dan pihak berkepentingan dengan penekanan kepada prinsip-prinsip penguatkuasaan AOB dengan mengenakan sekatan ke atas empat orang juruaudit. Keseluruhan penalti monetari yang dikenakan pada 2017 adalah RM75,000.<sup>2</sup>

<sup>2</sup> Ini tidak termasuk penalti monetari sebanyak RM225,000 yang masih menunggu rayuan kepada Lembaga SC.

## Komunikasi dan Kerjasama yang Berkesan dengan Pihak Berkepentingan

AOB telah mengadakan, menyertai dan berkongsi pandangannya melalui sesi pembabitan dengan pihak berkepentingan untuk mempromosikan pembangunan kapasiti dan pelaporan dan amalan kewangan yang berkualiti tinggi. Sesi-sesi pembabitan di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa melibatkan penguatkuasa, industri dan profesion perakaunan.

AOB mengadakan kerjasama lebih erat bersama pihak berkuasa yang berkaitan seperti Kementerian Kewangan, BNM, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan SSM untuk berkongsi kebimbangan pengawal selia dan mengurangkan pertindanan dalam tugas masing-masing. Selain itu, AOB turut terlibat dengan pengawal selia serantau dan antarabangsa untuk berkongsi pengalaman rentas

sempadan dan meninjau peluang kerjasama yang bermanfaat termasuk menggunakan Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG) dan Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR) sebagai saluran pembangunan kapasiti dan mendekati lebih ramai pihak berkepentingan.

AOB akan terus menyumbang pandangan, terutamanya bidang berkaitan kualiti audit, kepada pengawal selia dan badan-badan penetap piawaian termasuk Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO), IFIAR, Lembaga Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC), IAASB dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan (IESBA), dan Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan (AASB) dan Lembaga Piawaian Etika (ESB) MIA.

### Sorotan 2017

- Perbincangan dan dialog yang disasarkan kepada juruaudit, pengarah dan jawatankuasa audit untuk berkomunikasi dan berkongsi perkara-perkara berikut:
  - Bidang pemerhatian pemeriksaan dan kebimbangan utama yang diperhatikan dalam prestasi pengauditan asing, jangkaan kawal selia dan trend baru muncul berhubung inovasi audit, peralatan dan teknologi baharu;
  - Pandangan menyeluruh tentang kebimbangan dan jangkaan kawal selia berhubung dengan pelaksanaan piawaian perakaunan baharu Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS 9: *Financial Instruments* dan MFRS 15: *Revenue from Contracts with Customers*);
  - Contoh praktikal untuk meningkatkan peranan jawatankuasa audit dan pada masa yang sama menambah baik kualiti audit; dan
  - Pengalaman pelaksanaan tahun pertama EAR di Malaysia, dan bagaimana proses EAR boleh memacu tadbir urus korporat, meningkatkan ketelusan dan membuka saluran penglibatan syarikat dengan pelabur dan pihak-pihak berkepentingan.
- Menandatangani MMoU berkenaan Kerjasama bagi Pertukaran Maklumat untuk Pemantauan Audit, bersama 21 pengawal selia audit mengetuai Pengawal Selia Audit Bebas.
- Menganjurkan Bengkel Pemeriksaan Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG) Ke-5 dan Bengkel Kerjasama Pertama di antara Bank Dunia dan AARG.

## **Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR) untuk Menandatangani Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala berkenaan Kerjasama Pertukaran Maklumat untuk Pemantauan Audit**

AOB telah menjadi anggota IFIAR sejak 2010. IFIAR terdiri daripada pengawal selia audit bebas dari 52 bidang kuasa dari Afrika, Amerika Utara, Amerika Selatan, Asia, Australasia dan Eropah. Misi IFIAR adalah untuk memenuhi kepentingan awam dan meningkatkan perlindungan kepada pelabur dengan meningkatkan kualiti secara global.

Anggota-anggota IFIAR mengiktiraf keperluan kerjasama dalam hal berkaitan pemantauan audit di bawah bidang kuasa kawal mereka.

Tujuan utama MMoU IFIAR adalah bagi memudahkancarakan kerjasama dalam pertukaran maklumat antara anggota berkenaan pemantauan juruaudit, termasuklah pemeriksaan, penyiasatan, penguatkuasaan dan pendaftaran. MMoU ini akan meningkatkan kualiti audit PIE menerusi perkongsian maklumat yang dipertingkatkan antara anggota. Tiga prinsip utama MMoU ini adalah:

- Rangka kerjasama antara anggota IFIAR;
- Meningkatkan kerjasama menerusi pendekatan fleksibel antara anggota; dan
- Digunakan dalam skop rejim kawal selia anggota IFIAR sedia ada.

AOB menyertai 21 pengawal selia audit yang lain untuk menandatangani MMoU di Mesyuarat Plenari IFIAR 2017 yang diadakan pada 4 April 2017 di Tokyo, Jepun.

*Sumber: Siaran Media IFIAR*

## Sekilas Pandang 2017 Pembabitan Bersama Pihak Berkepentingan

<b>Januari</b>	<b>19 – 22</b> Konvensyen Pelajar Perakaunan Malaysia  AOB mengambil bahagian di Konvensyen Pelajar Perakaunan Malaysia 2017 anjuran Kelab Perakaunan Universiti Malaya.	<b>Mac</b>	<b>7</b> AuditWorld 2017  AOB terlibat dalam panel perbincangan mengenai Hal Audit Utama dan <i>"Experience of Early Adopters in Audit Reporting"</i> di Persidangan AuditWorld 2017 anjuran bersama MIA dan MICPA.
<b>Februari</b>	<b>8 – 10</b> Bengkel Pemeriksaan IFIAR Kali Ke-11  AOB menghadiri Bengkel Pemeriksaan IFIAR Kali Ke-11 yang dihoskan oleh Lembaga Pemantauan Piawaian Perakaunan dan Pengauditan Hellenic di Athens, Greece.  <b>21 – 22</b> AARG dan Bank Dunia  Menghoskan Bengkel Pemeriksaan AARG Kali Ke-5 dan Bengkel Kerjasama Pertama Bank Dunia dan AARG.	<b>31</b> Program Pelabur bertajuk <i>"A New Era of Auditor Reporting: Insights for Investors"</i>  AOB menyertai panel perbincangan mengenai EAR khususnya mengenai KAM dalam program pelabur bertajuk <i>"A New Era of Auditor Reporting: Insights for Investors"</i> yang dianjurkan bersama oleh MIA dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti, yang disokong oleh Bursa Malaysia.	



**23 – 24**  
Bengkel Kumpulan Pengawasan Penyata Kewangan Kali Ke-4

AOB menyertai Bengkel Kumpulan Pengawasan Penyata Kewangan Kali Ke-4 anjuran Bahagian Pengawasan Korporat SC.

**April**

**3 – 7**  
Forum Pengawal Selia Bebas Antarabangsa (IFIAR)

Menandatangani Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala IFIAR berkenaan dengan Kerjasama bagi Pertukaran Maklumat untuk

Pemantauan Audit, yang mana AOB adalah salah satu daripada penandatangan.



## Julai

### 13 Dialog bersama Juruaudit yang terlibat dalam Pengauditan di China

AOB menganjurkan dialog untuk juruaudit yang terlibat dalam pengauditan PIE yang mempunyai operasi utama di China.



### 24 Perbincangan Kumpulan Fokus: Pengalaman Pelabur dengan EAR

AOB bersama MIA dan ACCA menganjurkan perbincangan kumpulan fokus sebagai sebahagian daripada penyelidikan bersama yang dijalankan oleh AOB, MIA dan ACCA. Acara ini telah dihadiri oleh pelabur runcit dan institusi.



## Ogos

### 31 Julai – 1 Ogos

#### Mesyuarat Tahunan AARG

AOB menghadiri Mesyuarat Tahunan Kali Ke-7 AARG anjuran Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Thailand.

### 16

#### Perbincangan Kumpulan Fokus: Pengalaman Jawatankuasa Audit dengan EAR

AOB, MIA dan ACCA bersama-sama menganjurkan perbincangan kumpulan fokus dengan ahli jawatankuasa audit untuk membincangkan pengalaman mereka dengan EAR.

## September

### 7

#### Sesi perbincangan tertutup bersama Mary Tokar: Apa yang boleh dijangkakan oleh pengawal selia daripada pematuhan dengan Piawaian berdasarkan prinsip

AOB menyertai sesi perbincangan tertutup bersama Mary Tokar, yang merupakan anggota Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa mengenai jangkaan pengawal selia terhadap pematuhan dengan piawaian berasaskan prinsip. Sesi ini telah dianjurkan bersempena dengan Persidangan Serantau Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) 2017.

### 8

#### Persidangan Serantau IFRS 2017

AOB mengambil bahagian dalam Persidangan Serantau IFRS 2017 anjuran bersama oleh Yayasan IFRS dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

### 26

#### Jurnal Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (MAICSA) Corporate Voice

Pengerusi Bukan Eksekutif AOB membincangkan jangkaan AOB terhadap juruaudit PIE dan kumpulan



	wang jadual dan bagaimana setiausaha dan pentadbir bertauliah boleh menyumbang kepada ekosistem laporan kewangan dalam <i>Jurnal MAICSA, Corporate Voice</i> keluaran Julai-September 2017.	
<b>Oktobre</b>	<b>3</b> <b>Konvensyen Audit dan Perakaunan Singapura (SAAC) 2017</b>  AOB menghadiri SAAC 2017 anjuran bersama Pihak Berkuasa Perakaunan dan Kawal Selia Korporat Singapura, Institut Akauntan Berkanun Singapura, dan Suruhanjaya Perakaunan Singapura.	<b>8</b> <b>Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2017</b>  AOB terlibat dalam perbincangan mengenai "EAR – Have We Achieved the Objectives" ketika Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2017.  
	<b>11</b> <b>Bual Bicara AOB bersama Juruaudit PIE dan Kumpulan Wang Jadual</b>  AOB menganjurkan bual bicara tahunan bersama Firma Audit Lain yang terlibat dalam audit PIE dan kumpulan wang jadual.	<b>14</b> <b>Bual Bicara bersama Jawatankuasa Audit</b>  AOB bersama Jabatan Pengawasan Korporat (SC) bersama-sama menganjurkan "Bual Bicara bersama Jawatankuasa Audit", yang dihadiri oleh jawatankuasa audit PLC.
	<b>23 – 24</b> <b>Seminar Jabatan Audit Negara 2017</b>  AOB terlibat dalam sesi panel mengenai <i>Governance and Accountability in Financial Audit</i> AOB.	  
	<b>2</b> <b>Forum Audit CAANZ-MICPA</b>  AOB menyertai panel perbincangan mengenai cabaran mengaudit Piawaian Audit Baharu di Forum anjuran bersama oleh Akauntan Berkanun Australia dan New Zealand serta MICPA.	

## Bahagian 2

# Penyata



## Ahli-ahli Lembaga Pemantauan Audit

Barisan hadapan dari kiri:

Dato' Gumuri Hussain  
Wong Chong Wah

Barisan kedua dari kiri:

Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner  
Alex Ooi Thiam Poh  
Dato' Darawati Hussain  
Eugene Wong Weng Soon  
Marzunisham Omar



## Ahli-ahli Lembaga Pemantauan Audit



**DATO' GUMURI HUSSAIN**

Dilantik Pengerusi Eksekutif  
18 November 2016

Diubah jawatan Pengerusi Bukan Eksekutif  
24 November 2017

Dato' Gumuri Hussain merupakan Ahli Lembaga Pengarah SC dari tahun 2006 hingga 2016 dan Ahli Bukan Eksekutif Lembaga Pemantauan Audit dari tahun 2012 hingga 2016. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif dan kemudian telah diubah jawatan sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif.

Dato' Gumuri memiliki 45 tahun pengalaman dalam bidang audit, perakaunan dan sektor korporat. Beliau pernah menjawat Rakan Kongsi Kanan dan Timbalan Pengerusi Lembaga Tadbir Urus PricewaterhouseCoopers Malaysia. Beliau pernah menjadi Pengerusi SME Bank, Pengerusi Bukan Eksekutif Sistem Televisyen Malaysia Berhad dan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Bhd. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan Malaysia Bhd. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan dalam Lembaga pengarah syarikat awam tersenarai termasuk Media Prima Bhd, Malaysian Airline System Bhd dan Metrod Bhd.

Dato' Gumuri ialah Akauntan Bertauliah MIA, Felo Institut Akauntan Bertauliah England and Wales (ICAEW), dan juga ahli MICPA.

Alex Ooi telah dilantik sebagai Pengarah AOB pada 18 Januari 2017 dan kemudian sebagai Pegawai Eksekutif pada 24 November 2017. Alex mempunyai pengalaman lebih daripada 25 tahun dalam bidang jaminan dan khidmat nasihat dalam industri pembangunan harta tanah dan pembinaan, hospitaliti, pembuatan, perdagangan, media, teknologi dan perladangan. Pengalamannya termasuk audit berkanun syarikat awam tersenarai dan syarikat multinasional, tawaran awam awal (IPO), audit dalam, pengurusan risiko dan khidmat nasihat korporat dan penyusunan semula. Alex pernah menjadi Rakan Audit BDO Malaysia dan Deloitte Malaysia.

Alex ialah Presiden Divisyen Malaysia CPA Australia pada tahun 2013 dan 2014 dan bekas ahli Majlis MIA. Beliau sebelum ini terlibat dalam Jawatankuasa MIA seperti Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan, Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal dan Jawatankuasa Pendidikan. Kini beliau berperanan sebagai pemerhati di AASB dan ESB MIA.

Alex merupakan Akauntan Bertauliah MIA, ahli Felo CPA Australia dan ahli ICAEW.



---

## ALEX OOI THIAM POH

Dilantik 24 November 2017

---



## EUGENE WONG WENG SOON

Dilantik 1 Mac 2016

Eugene Wong ialah Pengarah Urusan Kewangan Korporat & Pelaburan, SC dan bertanggungjawab ke atas hal-hal berkaitan dengan kewangan korporat dan pelaburan yang merangkumi IPO, penerbitan hutang swasta, skim pelaburan kolektif dan pengambilalihan. Beliau juga menyelia inisiatif SC berkaitan ASEAN serta hal-hal perakaunan.

Eugene kini menjadi Penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Beliau pernah menjadi Ahli Majlis MIA dan Pengurus Lembaga Piawaian Etika (ESB) MIA.

Eugene mempunyai pengalaman bekerja dengan bank saudagar, firma pembrokeran saham dan di bahagian audit dan pembiayaan korporat firma perakaunan antarabangsa.

Eugene memegang kelulusan Diploma Lanjutan dalam Kewangan Korporat dari ICAEW dan B. Comm. dari University of Melbourne. Eugene ialah Akauntan Bertauliah MIA, Felo Akauntan Bertauliah Australia dan New Zealand serta ahli Felo CPA Australia.

Marzunisham Omar ialah Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertanggungjawab terhadap peraturan sektor kewangan, mengawasi pengawasan dan kestabilan kewangan, pengawalan prudential, kewangan Islam, peraturan pengguna dan tatalaku pasaran. Sebagai sebahagian daripada pengurusan kanan Bank, Marzunisham adalah ahli Jawatankuasa Pengurusan Bank, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Jawatankuasa Pengurusan Rizab.

Sebelum ini, Marzunisham berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), yang mewakili negara-negara di kawasan Asia Tenggara. Peranan ini melibatkan kerjasama rapat dengan Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat dari seluruh rantau.

Marzunisham memulakan kerjayanya di BNM sebagai ahli ekonomi pada tahun 1993. Dalam kariernya selama lebih 25 tahun, beliau berpeluang untuk terlibat dalam pelbagai bidang utama perbankan pusat, khususnya perumusan dasar ekonomi dan monetari, kawal selia dan pembangunan sektor kewangan, dan keterangkuman kewangan. Marzunisham telah memegang pelbagai jawatan kanan di Bank, antaranya sebagai Penolong Gabenor Pembangunan Organisasi (2011-2013) dan sektor Monetari dan Ekonomi (2013-2015).

Marzunisham memiliki ijazah dalam bidang Ekonomi dari University of Cambridge.



## MARZUNISHAM OMAR

Dilantik 8 Jun 2017



## DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER

Dilantik 3 Jun 2015

Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), jawatan yang disandangnya sejak 1 Januari 2015. Beliau menyertai Pendaftar Syarikat pada tahun 1995 dan berkhidmat sebagai Ketua Akauntan sehingga pelantikannya sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) SSM pada tahun 2002.

Dato' Zahrah adalah ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar dan ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Beliau dilantik sebagai ahli lembaga untuk Persijilan Pegawai Integriti Bertauliah dan Yayasan Pelaporan Kewangan.

Dato' Zahrah adalah ahli Jawatankuasa Eksekutif Forum Pendaftar Korporat yang merupakan persatuan pendaftar korporat antarabangsa. Baru-baru ini beliau dilantik sebagai Profesor Adjung, Jabatan Pemasaran dan Pembangunan Usahawan, Kolej Pengurusan Perniagaan & Perakaunan, Universiti Tenaga Nasional.

Dato' Zahrah adalah ahli MIA. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wong Chong Wah ialah rakan kongsi di Wong & Wong. Dengan lebih daripada 40 tahun pengalaman dalam bidang undang-undang termasuk litigasi dan penyelesaian pertikaian alternatif, undang-undang korporat dan perkongsian, pencukaian, duti kastam dan eksais, pengambilan tanah, insurans serta fitnah. Beliau berkhidmat sebagai peguam di Malaysia, Singapura dan Brunei.

Wong mempunyai lebih daripada 80 kes yang dilaporkan dalam Jurnal Undang-undang Malaysia dan laporan undang-undang lain. Beliau bertindak sebagai peguam kepada hakim Mahkamah Persekutuan dalam Tribunal Perlembagaan. Beliau juga telah menyampaikan beberapa syarahan dan menyumbang banyak rencana mengenai penimbangtaraan dan pelbagai subjek lain kepada jurnal undang-undang.

Beliau bertindak sebagai penimbang tara dan peguam dalam penimbangtaraan yang melibatkan pertikaian pemegang saham, kontrak komersial dan pembinaan. Beliau menganggotai panel penimbang tara Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA) dan Dewan Perniagaan Antarabangsa Malaysia. Beliau juga merupakan ahli Panel Adjudikator KLRCA dan satu-satunya ahli dari Malaysia di Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa bagi Dewan Perniagaan Antarabangsa dari 2004 hingga 2012.

Beliau dinamakan sebagai salah seorang daripada ahli litigasi komersial terkemuka oleh International Who is Who's of Commercial Litigation. Beliau ialah ahli panel Jawatankuasa Tatatertib Majlis Peguam dan Felo Institut Percukaian Berkanun Malaysia.



## **WONG CHONG WAH**

Dilantik 1 April 2016



## DATO' DARAWATI HUSSAIN

Dilantik 1 April 2016

Dato' Darawati Hussain ialah Pengarah Eksekutif Syalin Sdn Bhd. Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang kewangan korporat, pengurusan aset dan ekuiti swasta, yang mana bidang pengkhususannya ialah penggabungan dan pemerolehan, urus niaga pencarian modal, dan menerajui inisiatif untuk menubuhkan dana ekuiti persendirian patuh Syariah. Beliau juga telah menetap selama lima tahun di London sebagai seorang pengurus portfolio ekuiti Eropah untuk syarikat pengurusan dana AS dengan aset bawah pengurusan bernilai AS\$70 bilion.

Dato' Darawati merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan untuk dana ekuiti di bawah Agensi Inovasi Malaysia (satu unit di bawah pejabat Perdana Menteri), MAVCAP Berhad dan Kumpulan RHB Bank.

Beliau juga berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Bebas Asiamet Education Group Bhd, MAVCAP Berhad dan RHB Investment Bank Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah beberapa syarikat sendirian berhad yang terlibat dalam pelbagai bidang perniagaan iaitu komunikasi pengurusan krisis strategik dan perundingan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE).

Dato' Darawati ialah mantan Pengerusi Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia (MVCA) dan ahli jawatankuasa Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia (MVCDC) di bawah naungan SC dan kekal sebagai ahli aktif MVCA.

Beliau berkelulusan ijazah sarjana muda Ekonomi dan Perakaunan dari Durham University, United Kingdom serta ijazah sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada London Business School, UK. Beliau juga ialah seorang Penganalisis Kewangan Bertauliah.

## Pernyataan Tadbir Urus

### Mengenai Lembaga Pemantauan Audit

AOB ditubuhkan di bawah Bahagian IIIA SCMA dan mandatnya adalah untuk membantu SC melaksanakan peranan kawal selianya melalui pengawalseliaan juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual untuk meningkatkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit. Di samping itu, AOB juga melakukan pemantauan terhadap mana-mana pihak yang menyediakan laporan yang berkaitan dengan maklumat kewangan PIE dan kumpulan wang jadual, yang berkaitan dengan aktiviti pasaran modal.

Tanggungjawab, kuasa dan autoriti AOB dinyatakan dalam Bahagian IIIA SCMA.

### Ahli Lembaga AOB

SC melantik ahli Lembaga AOB yang terdiri daripada Pengerusi Bukan Eksekutif, Pegawai Eksekutif dan lima orang Ahli Bukan Eksekutif lain yang merupakan wakil dari SC, BNM, SSM, profesion perundungan dan sektor swasta. Pegawai Eksekutif bertanggungjawab ke atas pentadbiran harian AOB.

Profil Ahli Lembaga AOB dipaparkan di halaman 24 hingga 30.

Pengerusi Bukan Eksekutif AOB dilantik untuk tempoh tiga tahun dan layak untuk dilantik semula selepas tamat tempoh perkhidmatannya manakala ahli-ahli Bukan Eksekutif Lembaga dilantik untuk tempoh dua tahun dan layak untuk lantikan semula.

Seseorang akan hilang kelayakan untuk memegang jawatan ahli Lembaga AOB sekiranya beliau:

- Disabitkan atas suatu kesalahan di bawah undang-undang;
- Diisyiharkan bankrap;
- Gagal menghadiri tiga mesyuarat Lembaga AOB berturut-turut tanpa kebenaran; atau
- Tidak mampu melaksanakan tugasnya.

SCMA menghendaki ahli Lembaga AOB untuk menguruskan konflik kepentingan dengan menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan. Setelah penzahiran dibuat, beliau:

- Tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam sebarang perbincangan atau keputusan Lembaga AOB atau jawatankuasanya; dan
- Tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk korum Lembaga AOB atau jawatankuasanya yang berkaitan.

### Tanggungjawab Lembaga AOB

Lembaga AOB bertanggungjawab membantu SC dalam melaksanakan fungsinya di bawah SCMA.

Tanggungjawab Lembaga AOB termasuk:

- Melaksanakan dasar dan program bagi memastikan sistem pemantauan audit yang berkesan di Malaysia;
- Mendaftarkan atau mengiktiraf juruaudit PIE atau kumpulan wang jadual bagi menurut SCMA;
- Mengarahkan MIA supaya mengadakan atau menerima pakai, atau melalui kedua-duanya, piawaian pengauditan dan etika yang hendaklah dipakai oleh juruaudit;
- Menjalankan pemeriksaan dan program pemantauan ke atas juruaudit berdaftar untuk menilai tahap pematuhan piawaian pengauditan dan etika;
- Menjalankan siasatan dan mengenakan sekatan yang sesuai terhadap juruaudit berdaftar yang tidak mematuhi piawaian pengauditan dan etika;
- Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan dalam merumuskan dan melaksanakan strategi bagi penambahbaikan tahap penzahiran kewangan PIE atau kumpulan wang jadual;

- Berhubung dan bekerjasama dengan badan pemantauan di luar Malaysia untuk menambah baik kedudukan profesion pengauditan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa;
- Menjalankan pemeriksaan ke atas individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE atau kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal, sebagaimana yang dikehendaki untuk disediakan di bawah undang-undang sekuriti atau garis panduan yang dikeluarkan oleh SC; dan
- Melaksanakan kewajipan atau fungsi lain yang perlu atau sesuai untuk menggalakkan piawaian profesional yang tinggi bagi juruaudit berdaftar dan untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan audit yang diberikan oleh juruaudit berdaftar.

## Mesyuarat AOB

Sebanyak lapan mesyuarat Lembaga AOB berlangsung pada tahun ini. Korum yang diperlukan adalah untuk tiga orang ahli Lembaga hadir.

Rekod kehadiran ahli Lembaga AOB dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Kehadiran di mesyuarat Lembaga AOB

Ahli Lembaga AOB	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Dato' Gumuri Hussain (Pengerusi Bukan-Eksekutif) <sup>1</sup>	8/8
Alex Ooi Thiam Poh (Ketua Eksekutif) <sup>2</sup>	1/1
Eugene Wong Weng Soon	8/8
Marzunisham Omar <sup>3</sup>	5/5
Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner	3/8
Wong Chong Wah	8/8
Dato' Darawati Hussain	6/8
Che Zakiah Che Din <sup>4</sup>	2/3

<sup>1</sup> Diubah jawatan sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif 24 November 2017

<sup>2</sup> Dilantik sebagai Pegawai Eksekutif 24 November 2017

<sup>3</sup> Dilantik 8 Jun 2017

<sup>4</sup> Bersara 30 April 2017

## Jawatankuasa AOB

Seksyen 31EA SCMA memperuntukkan bahawa AOB boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau wajar bagi membantu dalam melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 31E(1) SCMA.


Sehubungan ini, Jawatankuasa Pendaftaran telah ditubuhkan untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan pendaftaran atau pengiktirafan juruaudit oleh AOB. Sekiranya diperlukan, Jawatankuasa Pendaftaran akan memberi saranan kepada Lembaga AOB untuk pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

Berikut adalah ahli-ahli Jawatankuasa Pendaftaran:

1. Dato' Gumuri Hussain;
2. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner; dan
3. Eugene Wong Weng Soo.

Pada tahun ini, Jawatankuasa Pendaftaran bermesyuarat sebanyak 6 kali. Pengerusi AOB mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa dan semasa ketidaannya, seorang anggota Lembaga AOB yang juga merupakan ahli Jawatankuasa akan menjadi pengerusi mesyuarat tersebut.

## Struktur Organisasi



## Pengukuhan Bahagian IIIA Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah menyemak semula Bahagian IIIA SCMA untuk memastikan keberkesanan berterusan Lembaga Pemantauan Audit dalam mengawal selia juruaudit entiti berkepentingan awam dan kumpulan wang jadual. Pengukuhan Bahagian IIIA tersebut yang berkuatkuasa pada 24 November 2017 adalah berkaitan dengan bidang-bidang berikut:

- Struktur tadbir urus AOB;
- Skop kawal selia AOB; dan
- Fi dan caj.

### **Struktur tadbir urus AOB**

Bagi meningkatkan struktur tadbir urus AOB, Lembaga AOB kini diketuai oleh Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pegawai Eksekutif akan memikul tanggungjawab ke atas pentadbiran harian AOB.

Lembaga AOB terdiri daripada Pengerusi Bukan Eksekutif, Pegawai Eksekutif dan lima Ahli Bukan Eksekutif. Keperluan bagi tempoh perkhidmatan ahli Lembaga bukan eksekutif, kriteria hilang kelayakan, korum mesyuarat juga telah disemak semula dan dipinda sewajarnya.

### **Skop kawal selia AOB**

Berhubung dengan skop kawal selia AOB, pindaan tersebut telah meluaskan fungsi pemantauan AOB untuk meliputi akauntan pelapor yang menyediakan laporan maklumat kewangan sesebuah syarikat yang telah membuat permohonan untuk disenaraikan di pasaran utama atau pasaran alternatif dan cadangan korporat yang melibatkan pengambil alihan songsang dan juga penyenaraian pintu belakang. Memandangkan sesebuah syarikat akan menjadi sebuah entiti berkepentingan awam apabila permohonannya diluluskan atau cadangan yang dikemukakan adalah satu cara tidak langsung untuk sesebuah syarikat disenaraikan, laporan maklumat kewangan yang dikemukakan bersama dengan permohonan mestilah boleh diyakini.

### **Fi dan caj**

Peraturan yang berkaitan dengan fi pendaftaran dan pengiktirafan juga telah dipinda untuk menggambarkan peningkatan fi seperti yang dinyatakan di bawah. *Peraturan Lembaga Pemantauan Audit (Fi) 2017* dikuatkuasakan pada 2 Januari 2018.

Bil.	Perkara	Fi
1.	Permohonan untuk pendaftaran juruaudit individu sebagai juruaudit berdaftar di bawah seksyen 31O SCMA.	Dari RM5,000 hingga RM8,000 bagi satu permohonan.
2.	Ulang tahun tarikh pendaftaran sebagai juruaudit berdaftar di bawah seksyen 31O SCMA.	Dari RM5,000 hingga RM8,000 setahun, selepas tarikh ulang tahun pendaftaran.
3.	Permohonan untuk pengiktirafan juruaudit individu asing sebagai juruaudit diiktiraf di bawah seksyen 31O SCMA.	Dari RM5,000 bagi satu firma hingga RM8,000 bagi satu permohonan
4.	Kegagalan untuk membayar fi yang telah ditetapkan di bawah seksyen 31O SCMA sebelum atau pada tarikh fi perlu dibayar.	RM100 bagi setiap hari lewat bayar, terhad kepada caj maksimum RM3,000.

Secara ringkas, kenaikan fi tersebut melambangkan peningkatan kos untuk mengawal selia juruaudit dan akauntan pelapor. Secara khusus, kenaikan tersebut bertujuan untuk menampung peningkatan kos semakan dan kelulusan permohonan untuk menjadi juruaudit berdaftar atau diiktiraf, peningkatan kos inflasi serta penambahan usaha untuk menyelaraskan aktiviti pemantauan AOB ke atas juruaudit yang diiktiraf dengan pihak berkuasa kawal selia asing yang berkaitan.

Di samping itu, kini AOB juga diberikan kuasa untuk mengenakan caj bayaran fi lewat apabila juruaudit yang berdaftar atau diiktiraf gagal membayar fi yang telah ditetapkan pada tarikh fi perlu dibayar.

Lembaga Pemantauan Audit  
**Penyata  
Kewangan**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

**Penyata Kedudukan Kewangan  
pada 31 Disember 2017**

	Nota	2017 RM	2016 RM
<b>Aset</b>			
<b>Aset semasa</b>			
Pelbagai penghutang	4	159,973	90,634
Pelaburan lain	5	190,333	111,842
Tunai dan setara tunai	6	546,781	185,414
<b>Jumlah aset</b>		<u>897,087</u>	<u>387,890</u>
<b>Rizab</b>			
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	7.1	23,516,438	19,016,438
Defisit terkumpul	7.2	(22,641,351)	(18,654,748)
<b>Jumlah rizab</b>	7	<u>875,087</u>	<u>361,690</u>
<b>Liabiliti semasa</b>			
Pembiayaan lain dan akruan	8	22,000	26,200
<b>Jumlah liabiliti</b>		<u>22,000</u>	<u>26,200</u>
<b>Jumlah rizab dan liabiliti</b>		<u>897,087</u>	<u>387,890</u>

Nota-nota di muka surat 39 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh  
Pengerusi  
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Tarikh: 30 Januari 2018

Alex Ooi Thiam Poh  
Pegawai Eksekutif  
Lembaga Pemantauan Audit

# Lembaga Pemantauan Audit

**Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bagi tahun berakhir  
31 Disember 2017**

	Nota	<b>2017 RM</b>	<b>2016 RM</b>
<b>Pendapatan</b>			
Yuran pendaftaran		1,865,000	1,899,755
Pendapatan kewangan daripada deposit tetap	9	31,233	18,337
Pendapatan penalti	5	75,000	50,000
		1,971,233	1,968,092
<b>Perbelanjaan operasi</b>			
Perbelanjaan pentadbiran	10	(5,957,836)	(5,364,330)
		(3,986,603)	(3,396,238)
<b>Defisit sebelum cukai</b>			
Perbelanjaan cukai	11	—	—
		(3,986,603)	(3,396,238)
<b>Defisit bagi tahun/Jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun</b>			

Nota-nota di muka surat 39 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Lembaga Pemantauan Audit

## Penyata perubahan dalam ekuiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia RM	Defisit terkumpul RM	Jumlah RM
<b>Pada 1 Januari 2016</b> Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Defisit dan jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun	15,500,000 3,516,438  -	(15,258,510) -  (3,396,238)	241,490 3,516,438  (3,396,238)
<b>Pada 31 Disember 2016/1 Januari 2017</b> Dana daripada SC Defisit dan jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun	19,016,438 4,500,000  -	(18,654,748) -  (3,986,603)	361,690 4,500,000  (3,986,603)
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	23,516,438	(22,641,351)	875,087
	Nota 7	Nota 7	Nota 7

Nota-nota di muka surat 39 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Lembaga Pemantauan Audit

**Penyata aliran tunai bagi tahun berakhir  
31 Disember 2017**

Nota	2017 RM	2016 RM
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>		
Defisit sebelum cukai	(3,986,603)	(3,396,238)
<i>Pelarasan untuk:</i>		
Pendapatan kewangan	(31,233)	(18,337)
<b>Defisit operasi sebelum perubahan dalam modal kerja</b>	<hr/>	<hr/>
Perubahan dalam pelbagai pengutang	(69,339)	(3,145)
Perubahan dalam pelbagai pembiutang dan akruan	(4,200)	3,500
<b>Tunai bersih digunakan daripada aktiviti operasi</b>	<hr/> (4,091,375)	<hr/> (3,414,220)
	.....	.....
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan</b>		
Pendapatan kewangan	31,233	18,337
Peningkatan dalam pelaburan lain	(78,491)	(51,842)
<b>Tunai bersih digunakan daripada aktiviti pelaburan</b>	<hr/> (47,258)	<hr/> (33,505)
	.....	.....
<b>Aliran tunai daripada aktiviti kewangan</b>		
Dana diterima daripada SC	<hr/> 4,500,000	<hr/> 3,516,438
<b>Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti kewangan</b>	<hr/> 4,500,000	<hr/> 3,516,438
<b>Peningkatan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai</b>	<hr/> 361,367	<hr/> 68,713
<b>Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari</b>	<hr/> 185,414	<hr/> 116,701
<b>Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember</b>	<hr/> 546,781	<hr/> 185,414
<b>Tunai dan setara tunai terdiri daripada:</b>		
Tunai dan baki di bank	6 375,820	185,414
Deposit di bank berlesen	6 170,961	-
	<hr/> 546,781	<hr/> 185,414
	<hr/> .....	<hr/> .....

Nota-nota di muka surat 39 hingga 48 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Lembaga Pemantauan Audit

## Nota-nota kepada penyata kewangan

### 1. Umum

Pada 1 April 2010, SC menubuhkan AOB di bawah seksyen 31C dalam SCMA. AOB ditubuhkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 31B dalam Akta, iaitu:

- a. Untuk menggalakkan dan membangunkan kerangka kerja pemantauan audit yang efektif dan teguh di Malaysia;
- b. Untuk meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit di Malaysia;
- c. Untuk mengawal selia juruaudit bagi entiti kepentingan awam; dan
- d. Untuk menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan, yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah undang-undang sekuriti, garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau kaedah-kaedah bursa saham, oleh suatu:
  - (i) entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual;
  - (ii) entiti bukan berkepentingan awam yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu syarikat awam tersenarai atau suatu perbadanan disenaraikan di bursa saham; atau
  - (iii) kumpulan wang tidak berjadual yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu kumpulan wang jadual.

Untuk memudah cara tujuan yang dinyatakan di atas, sebuah dana, iaitu Dana AOB telah ditubuhkan di bawah seksyen 31H SCMA. Dana AOB ini ditadbir oleh SC. SC memberikan sokongan pentadbiran dan perakaunan kepada Dana AOB dan menyediakan akaun yang berasingan daripada akaun SC menurut seksyen 31L(5) SCMA. SC akan terus menyediakan sokongan kewangan kepada AOB untuk masa depan yang boleh dijangka.

### 2. Asas penyediaan

#### (a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan AOB telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS).

Berikut merupakan piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran rangka kerja yang telah diterbitkan oleh MASB belum diguna pakai oleh AOB:

*MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018*

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan* (2014)
- MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*
- Penjelasan kepada MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*
- Tafsiran IC 22, *Transaksi Matawang Asing dan Pertimbangan Pendahuluan*
- Pindaan ke atas MFRS 1, *Pelaksanaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2014-2016)*
- Pindaan ke atas MFRS 2, *Bayaran berdasarkan Saham – Klasifikasi dan Pengukuran Transaksi Bayaran Berasaskan-Saham*
- Pindaan ke atas MFRS 4, *Kontrak Insurans – Pelaksanaan MFRS 9 Instrumen Kewangan dengan MFRS 4 Kontrak Insurans*
- Pindaan ke atas MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Sekutu dan Usaha Sama (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2014-2016)*
- Pindaan ke atas MFRS 140, *Harta Pelaburan – Pindahan Harta Pelaburan*

*MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019*

- MFRS 16, *Pajakan*
- Tafsiran IC 23, *Ketidakpastian mengenai Rujukan Cukai Pendapatan*
- Pindaan ke atas MFRS 3, *Kombinasi Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 9, *Instrumen Kewangan – Ciri-ciri Prabayaran dengan Pampasan Negatif*
- Pindaan ke atas MFRS 11, *Pengaturan Bersama (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 112, *Cukai Pendapatan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 123, *Kos Peminjaman (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan ke atas MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama – Kepentingan Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama*

*MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021*

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*

*MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi satu tarikh yang belum ditentukan*

- Pindaan ke atas MFRS 10, *Penyata Kewangan Gabungan: Entiti Pelaburan dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama – Jualan atau Sumbangan Aset Antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha sama*

AOB merancang untuk mengguna pakai piawaian, pindaan dan interpretasi yang dinyatakan di atas yang terpakai dan berkuat kuasa dari tempoh tahunan masing masing bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 dan 1 Januari 2019.

Permulaan guna pakai piawaian, pindaan dan tafsiran lain dijangka tidak memberi sebarang kesan kewangan yang penting ke atas penyata kewangan tempoh semasa dan sebelum AOB kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

**(i) MFRS 16, Pajakan**

MFRS 16 menggantikan panduan dalam MFRS 117, *Pajakan, Tafsiran IC 4, Menentukan Sama ada Perjanjian mengandungi Tafsiran Pajakan, Tafsiran IC 115, Pajakan Operasi - Insentif dan Tafsiran IC 127, Penilaian Kandungan Urusniaga Melibatkan Bentuk Undang-Undang Pajakan.*

AOB sedang menilai kesan kewangan yang mungkin timbul daripada penggunaan MFRS 16.

**(b) Asas pengukuran**

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan yang dinyatakan dalam Nota 3.

**(c) Matawang fungsi dan pembentangan**

Penyata kewangan ini disediakan dalam ringgit Malaysia (RM), di mana ia merupakan mata wang fungsian bagi AOB.

**(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan**

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan pihak pengurusan membuat keputusan, anggaran dan andaian yang akan memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset-aset, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan. Jumlah sebenar mungkin berbeza dengan jumlah anggaran.

Anggaran dan dasar andaian akan disemak dan dipinda dari semasa ke semasa. Perubahan ke atas anggaran perakaunan akan diambil kira di dalam tempoh di mana anggaran tersebut diubah dan tempoh yang berkaitan di masa hadapan.

Tidak terdapat sebarang anggaran ketidakpastian dan keputusan penting dalam pengamalan dasar-dasar perakaunan yang menyebabkan kesan yang ketara ke atas sebarang jumlah yang diambilkira di dalam penyata kewangan.

### 3. Dasar-dasar perakaunan utama

Dasar-dasar perakaunan berikut diamalkan secara konsisten pada semua tempoh yang dibentangkan di dalam penyata kewangan ini dan secara konsisten oleh AOB, melainkan dinyatakan sebaliknya.

**(a) Instrumen kewangan**

**(i) Pengiktirafan permulaan dan pengukuran**

Instrumen kewangan, diiktiraf dalam penyata kewangan bila dan hanya bila AOB menjadi pihak yang terikat secara rasmi kepada peruntukan-peruntukan instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada permulaannya, pada nilai saksamanya tambah, di dalam keadaan di mana instrumen kewangan tidak diiktiraf pada nilai saksamanya melalui untung atau rugi, kos-kos transaksi yang boleh dianggap berkait langsung kepada pemerolehan atau terbitan instrumen kewangan tersebut.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

AOB mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

*Aset-aset kewangan*

*Pinjaman dan penghutang*

Aset-aset kewangan dikategorikan sebagai pinjaman dan penghutang adalah diukur berikutnya pada kos dilunaskan menggunakan kaedah berkesan.

Semua aset kewangan tertakluk kepada semakan semula bagi eluan rosot nilai (lihat Nota 3(c)).

*Liabiliti kewangan*

Semua liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai kos dilunaskan

(iii) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) dan sebarang untung atau rugi terhimpun yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhatusukan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(b) Tunai dan setara tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai dengan tempoh matang yang asal diantara 3 bulan atau kurang dan digunakan oleh AOB untuk menguruskan penglibatan jangka pendek. Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan selepas ditolak deposit terhad, jika ada.

(c) Rosot nilai

*Aset-aset kewangan*

Kesemua aset kewangan adalah dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada wujud sebarang bukti objektif rosot nilai akibat berlakunya satu atau lebih kejadian kewangan yang memberi kesan kepada anggaran nilai masa depan aliran tunainya. Kerugian yang dijangkakan daripada kejadian masa depan, tidak kira semana boleh, tidak diiktiraf.

Kerugian rosot nilai berkait dengan pinjaman dan belum terima diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa asset dengan nilai kini anggaran nilai masa depan aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal asset tersebut. Nilai dibawa asset dikurangkan dengan menggunakan sebuah akaun elauan.

Jika dalam tempoh kewangan berikutnya, nilai saksama asset kewangan meningkat dan peningkatan ini boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa kewangan yang berlaku setelah kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, maka kerugian rosot nilai ini dibalikkan, pada suatu peringkat nilai asset dibawa tidak melebihi apa yang nilai dibawa akan rosot nilai yang tidak diiktiraf pada tarikh rosot nilai ini dibalikkan. Nilai pembalikan ini diiktiraf sebagai untung atau rugi.

**(d) Pendapatan**

**(i) Yuran pendaftaran**

Yuran pendaftaran daripada juruaudit bagi entiti kepentingan awam dikira dalam untung atau rugi apabila hak untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

**(ii) Pendapatan kewangan**

Pendapatan kewangan diiktiraf apabila terakru dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dalam untung atau rugi.

**(e) Manfaat kakitangan**

**(i) Manfaat kakitangan jangka pendek**

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar diukur secara tidak terdiskaun dan dikira sebagai perbelanjaan bagi perkhidmatan berkaitan yang diberikan.

Liabiliti dikira bagi amaun yang jangka akan dibayar jika AOB mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

**(ii) Pelan caruman**

Caruman AOB ke dalam dana persaraan berkanun dicajkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan yang berkaitan dengannya. Caruman prabayar dikira sebagai aset setakat pembayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa akan datang, jika ada.

**(f) Ukuran nilai saksama**

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini menganggap bahawa urus niaga untuk menjual aset itu atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, ukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya atau dengan menjualnya kepada kumpulan peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya.

#### 4. Pelbagai pengutang

	2017 RM	2016 RM
Deposit	82,714	82,714
Prabayaran	75,632	6,805
Faedah boleh terima	1,627	1,115
	<hr/> 159,973	<hr/> 90,634
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

#### 5. Pelaburan lain

Pendapatan dari penalti yang didepositkan di bank berlesen adalah terhad untuk digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan program bina upaya berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan.

#### 6. Tunai dan setara tunai

	2017 RM	2016 RM
Tunai dan baki di bank	375,820	185,414
Deposit di bank berlesen	170,961	-
	<hr/> 546,781	<hr/> 185,414
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

#### 7. Jumlah rizab

	Nota	2017 RM	2016 RM
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	7.1	23,516,438	19,016,438
Defisit terkumpul	7.2	(22,641,351)	(18,654,748)
		<hr/>	<hr/>
Jumlah rizab		875,087	361,690
		<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

**7.1 Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia**

	<b>2017</b> <b>RM</b>	<b>2016</b> <b>RM</b>
Sumbangan:		
Pada awal tahun	19,016,438	15,500,000
Tambahan bagi tahun	4,500,000	3,516,438
	<hr/>	<hr/>
Pada akhir tahun	23,516,438	19,016,438
	<hr/>	<hr/>

**7.2 Defisit terkumpul**

	<b>2017</b> <b>RM</b>	<b>2016</b> <b>RM</b>
Pada awal tahun	(18,654,748)	(15,258,510)
Kerugian bagi tahun	(3,986,603)	(3,396,238)
	<hr/>	<hr/>
Pada akhir tahun	(22,641,351)	(18,654,748)
	<hr/>	<hr/>

**8. Pembiayaan lain dan akruan**

	<b>2017</b> <b>RM</b>	<b>2016</b> <b>RM</b>
Akruan	22,000	26,200
	<hr/>	<hr/>

**9. Pendapatan kewangan daripada deposit tetap**

	<b>2017</b> <b>RM</b>	<b>2016</b> <b>RM</b>
Pendapatan kewangan bagi aset yang bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	31,233	18,337
	<hr/>	<hr/>

**10. Perbelanjaan pentadbiran**

	<b>2017</b> <b>RM</b>	<b>2016</b> <b>RM</b>
Perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada:		
Ganjaran juruaudit	20,500	20,000
Bayaran honorarium	98,974	72,502
Elaun ahli bukan eksekutif	142,100	121,500
Pelbagai caj lain	229,455	288,570
Sewa premis	341,110	341,278
Kos kakitangan	5,125,697	4,520,480
	<hr/>	<hr/>
	5,957,836	5,364,330
	<hr/>	<hr/>

## 11. Perbelanjaan cukai

SC telah diberikan kelulusan oleh Menteri Kewangan agar dikecualikan daripada cukai berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2007. Dengan ini, AOB turut dikecualikan daripada cukai.

## 12. Instrumen kewangan

### 12.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan seperti yang berikut:

- (a) Pinjaman dan belum terima ("P&BT"); dan
- (b) Liabiliti kewangan lain diukur pada kos dilunaskan ("LL").

	<b>Amaun bawaan RM</b>	<b>P&amp;BT RM</b>	<b>LL RM</b>
<b>2017</b>			
<b>Aset kewangan</b>			
Pelbagai pengutang*	84,341	84,341	-
Pelaburan lain	190,333	190,333	-
Tunai dan setara tunai	546,781	546,781	-
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	821,455	821,455	-
<b>Liabiliti kewangan</b>			
Pelbagai pembiutang dan akruan	(22,000)	-	(22,000)
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
<b>2016</b>			
<b>Aset kewangan</b>			
Pelbagai pengutang*	83,829	83,829	-
Pelaburan lain	111,842	111,842	-
Tunai dan setara tunai	185,414	185,414	-
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	381,085	381,085	-
<b>Liabiliti kewangan</b>			
Pelbagai pembiutang dan akruan	(26,200)	-	(26,200)
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

\* Tidak termasuk aset bukan kewangan

## 12.2 Untung bersih yang terbit daripada instrumen-instrumen kewangan

	2017 RM	2016 RM
Untung diperoleh daripada:		
Pinjaman dan penghutang	31,233	18,337

## 12.3 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

AOB terdedah terutamanya kepada risiko kewangan kecairan sepanjang tempoh operasi normalnya. Oleh sebab AOB ditadbir oleh SC, AOB adalah tertakluk kepada dasar pengurusan risiko kewangan SC.

## 12.4 Risiko kredit

Risiko kredit merujuk kepada risiko kerugian kewangan kepada AOB jika pihak yang berhutang gagal memenuhi tanggungjawab kontraktualnya.

AOB tidak terdedah kepada sebarang risiko kredit kerana AOB tidak mempunyai hutang dagangan.

## 12.5 Risiko kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada risiko AOB tidak berupaya mematuhi tanggungjawab kewangannya bila sampai tempoh masanya.

Melalui SC, AOB memantau dan mengekalkan aras tunai dan setara tunai yang difikirkan cukup untuk membayai operasi AOB dan untuk mengurangkan kesan turun naik dalam aliran tunai.

### ***Analisis kematangan***

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan AOB pada tarikh pelaporan berdasarkan pembayaran berkontrak tidak terdiskaun.

	Amaun bawaan RM	Aliran tunai berkontrak RM	Bawah berkontrak 1 tahun RM
<b>2017</b>			
<b>Liabiliti kewangan</b>			
Pelbagai pembiutang dan akruan	22,000	22,000	22,000
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>2016</b>			
<b>Liabiliti kewangan</b>			
Pelbagai pembiutang dan akruan	26,200	26,200	26,200
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

## 12.6 Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada risiko perubahan dalam harga pasaran yang akan memberi kesan kepada kedudukan kewangan AOB atau aliran tunainya.

### 12.6.1 Risiko kadar faedah

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara AOB, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	2017 RM	2016 RM
<b>Instrumen kadar tetap</b>		
Aset kewangan	361,294	111,842

#### *Analisis sensitiviti risiko kadar faedah*

#### *Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap*

AOB tidak mengambil kira apa-apa aset kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan menjaskan untung atau rugi.

### 12.7 Maklumat nilai saksama

Nilai tunai dan bersamaan tunai, pelbagai penghutang, pelbagai pembiutang dan akruan munasabah nilai saksama oleh sifat jangka pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan.

## 13. Pengurusan dana

Objektif AOB adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan AOB bagi melaksanakan kewajipan dan fungsinya dengan bebas. Rizab ini diuruskan oleh SC.

## 14. Pemberian kebenaran penyata kewangan

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 ini diberikan kebenaran oleh SC untuk dikeluarkan dan ditandatangani oleh Penggerusi SC dan Pegawai Eksekutif AOB pada 30 Januari 2018.

# Lembaga Pemantauan Audit | Pengakuan Berkanun

Saya, Vignaswaran A/L Kandiah, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Lembaga Pemantauan Audit, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 35 hingga 48 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang ternama di atas Vignaswaran A/L Kandiah, No. K.P 561128-10-6171, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 30 Januari 2018.



.....  
Vignaswaran A/L Kandiah  
Pegawai

Di hadapan saya:



Unit 50-10-1, Tingkat 10  
Wisma UOA Damansara  
No. 50, Jalan Dungun  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur.

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT, SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

---

## Laporan mengenai Audit Penyata Kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan AOB, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017, dan penyata keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 35 hingga 48.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan AOB pada 31 Disember 2017, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS).

### Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam bahagian *Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan* di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas bagi pendapat kami.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas daripada AOB menurut Undang-undang Kecil (*Mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional*) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-Undang Kecil”), dan Kod Etika bagi Akauntan Profesional (“Kod IESBA”) Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

### Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga bagi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia terhadap Penyata Kewangan

Ahli-ahli Lembaga bagi SC bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan AOB yang memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut MFRS dan IFRS. Ahli-ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalam sebagaimana yang ditetapkan sebagai perlu oleh Ahli-ahli Lembaga bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan AOB yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan AOB, Ahli-ahli Lembaga bagi SC adalah bertanggungjawab untuk menilai kesinambungan keupayaan AOB sebagai suatu usaha berterusan, mendedahkan sekiranya berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan kecuali sekiranya Ahli-ahli Lembaga bagi SC berhasrat untuk membubarkan AOB atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai pilihan realistik kecuali berbuat demikian.

## Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan AOB secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah merupakan tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, dijangkakan dengan munasabah akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skeptisme profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan AOB, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesahkan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengenepeian secara sengaja, gambaran yang salah, atau ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang wajar mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman AOB.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Ahli-ahli Lembaga bagi SC.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian asas perakaunan usaha berterusan yang digunakan oleh Ahli-ahli Lembaga bagi SC dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ketara ke atas keupayaan AOB untuk terus beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk mengenangkan pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan AOB di dalam laporan juruaudit, atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk membuat perubahan terhadap pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan tamatnya kesinambungan AOB sebagai suatu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan AOB, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi-transaksi dan peristiwa sebenar dengan cara yang membolehkan penyata kewangan tersebut memberi suatu pandangan yang benar dan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli-ahli Lembaga bagi SC, antara lain, mengenai skop yang dirancang dan tempoh pengauditan dan pemerhatian audit yang ketara, termasuk apa-apa kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti ketika audit kami.

## Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sebagai satu badan, dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain berhubung dengan kandungan laporan ini.



**KPMG PLT**

(LLP0010081-LCA & AF 0758)

Akauntan Bertauliah



**Loh Kam Hian**

Nombor Kelulusan: 02941/09/2018 J

Akauntan Bertauliah

Petaling Jaya, Selangor

Tarikh: 30 Januari 2018



Bahagian 3


# Statistik dan Lain-lain




## Pendaftaran dan Pengiktirafan Juruaudit Malaysia

Carta 1


Juruaudit yang berdaftar dan diiktiraf pada 31 Disember 2017



Pengauditan PIE dan kumpulan wang jadual kekal tertumpu kepada firma audit berdaftar dengan 10 dan lebih rakan kongsi audit.




Jumlah Permodalan Pasaran PLC



Firma audit berdaftar


Perkongsian dengan 10 dan lebih rakan kongsi audit	95.8%
Perkongsian dengan 5-9 rakan kongsi audit	0.7%
Perkongsian dengan 2-4 rakan kongsi audit	3.4%
Juruaudit asing yang diiktiraf	0.1%

Jumlah NAV Kumpulan Wang Jadual



Sumber: AOB

**Carta 2**  
**Statistik pendaftaran dan pengiktirafan 5-tahun**



\* Juruaudit kumpulan wang jadual adalah tertakluk kepada rejim pendaftaran AOB berkuat kuasa dari 15 September 2015.

## Pendaftaran

Bilangan juruaudit berdaftar terus meningkat walaupun terdapat sedikit pengurangan dalam bilangan firma audit berdaftar – bukti usaha pembangunan keupayaan berterusan oleh industri.

Sumber: AOB

## Pengiktirafan

Terdapat pergerakan minimal dalam bilangan firma audit asing yang diiktiraf kerana ini adalah dipacu oleh bilangan syarikat diperbadankan di luar negara yang tersenarai di Bursa Malaysia.


## Pergerakan Pelanggan Audit

Firma Audit Utama secara kolektif mengaudit hampir 93% daripada PIE tersenarai di Bursa Malaysia mengikut permodalan pasaran dan 99% daripada kumpulan wang jadual mengikut jumlah NAV.

Pada tahun 2017, terdapat pergerakan yang berterusan pelanggan audit PIE daripada Firma Audit Utama ke Firma Audit Lain.

Carta 3

Pergerakan 3 tahun pelanggan audit PIE dan kumpulan wang jadual




\* Juruaudit kumpulan wang jadual adalah tertakluk kepada rejim pendaftaran AOB berkuat kuasa dari 15 September 2015.


Sumber: AOB

Carta 4  
**Pecahan pelanggan audit PIE**


**2017**



**2016**



**2015**




\*Pelantikan juruaudit masih dilaksanakan bagi 2 PIE pada 31 Dis 2015.

Sumber: AOB


Carta 5  
Pecahan pelanggan audit kumpulan wang jadual

2017




1,023  
**Kumpulan Wang Jadual**

2016



1,021  
**Kumpulan Wang Jadual**

2015



981  
**Kumpulan Wang Jadual**

Sumber: AOB

## Tindakan Penguatkuasaan

Bil.	Juruaudit	Ringkasan salah laku	Tindakan diambil
1.	Adam Selamat Musa dari Adam & Co, rakan kongsi tugas bagi audit entiti awam tersenarai untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013.	Melanggar syarat pendaftaran AOB yang dikenakan di bawah seksyen 310(4) SCMA.  Gagal untuk mematuhi syarat-syarat tertentu Piawaian Pengauditan Antarabangsa ketika mengaudit sebuah entiti awam tersenarai.	Penalti monetari sebanyak RM75,000
2.	Sathiea Seelan a/l Manickam dari Morison Anuarul Azizan Chew, rakan kongsi tugas bagi audit entiti awam tersenarai untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2011.	Melanggar syarat pendaftaran AOB yang dikenakan di bawah seksyen 310(4) SCMA.  Gagal untuk mematuhi syarat-syarat tertentu Piawaian Pengauditan Antarabangsa ketika mengaudit sebuah entiti awam tersenarai.	Celaan
3.	Tan Poh Ling, bekas rakan kongsi Morison Anuarul Azizan Chew, rakan kongsi tugas bagi audit entiti awam tersenarai untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012.	Melanggar syarat pendaftaran AOB yang dikenakan di bawah seksyen 310(4) SCMA.  Gagal untuk mematuhi syarat-syarat tertentu Piawaian Pengauditan Antarabangsa ketika mengaudit sebuah entiti awam tersenarai.	Celaan

Sumber: AOB

## Akronim dan Singkatan

AARG	Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN
AASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan
ACCA	Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
BNM	Bank Negara Malaysia
EAR	Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan
ESB	Lembaga Piawaian Etika
IASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IAASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa
IFIAR	Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa
IFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa
ISA	Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan
KAM	Hal Audit Utama
MASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
MMoU	Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala
NAV	Nilai asset bersih
PIE	Entiti berkepentingan awam
PLC	Syarikat awam tersenarai
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCMA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i>
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

## Definisi

10 firma audit terbesar	10 Firma Audit Terbesar berdasarkan permodalan pasaran pelanggan PLC di Malaysia.
Empat Firma Audit Besar	Deloitte, Ernst & Young, KPMG dan PricewaterhouseCoopers.
Entiti berkepentingan awam	<p>Entiti yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Jadual 1, SCMA:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) suatu PLC atau perbadanan yang disenaraikan di bursa saham;</li> <li>(b) suatu bank yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>;</li> <li>(c) suatu penanggung insurans yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>;</li> <li>(d) suatu pengendali takaful yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>;</li> <li>(e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>;</li> <li>(f) suatu institusi kewangan yang ditetapkan di bawah seksyen 212 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i> atau seksyen 223 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>;</li> <li>(g) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah <i>Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002</i>;</li> <li>(h) suatu pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti yang dikawal selia bagi berurus niaga dalam sekuriti, berurus niaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang;</li> <li>(i) suatu syarikat pegangan bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(j) suatu bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(k) suatu depositori pusat yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(l) suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(m) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(n) suatu pentadbir skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(o) suatu repositori dagangan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(p) Capital Market Compensation Fund Corporation; dan</li> <li>(q) mana-mana orang lain sebagaimana yang Menteri boleh tetapkan, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.</li> </ul>
Firma Audit Lain	Firma audit selain daripada Firma Audit Utama.
Firma Audit Utama	Firma audit dengan lebih daripada 10 rakan kongsi audit dan mengaudit lebih daripada 50 PIE dengan jumlah permodalan melebihi RM25 bilion.

Juruaudit	Juruaudit individu atau firma audit yang berdaftar atau diiktiraf di bawah seksyen 31O SCMA sebagai juruaudit berdaftar atau juruaudit yang diiktiraf suatu PIE atau kumpulan wang jadual.
Kumpulan wang jadual	Dana yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual 1 SCMA:  (a) Suatu skim persaraan swasta yang diluluskan oleh SC di bawah <i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007</i> (CMSA);  (b) Suatu skim unit amanah yang diluluskan, diberi kuasa atau diiktiraf oleh SC di bawah CMSA; dan  (c) Mana-mana dana pasaran modal lain sebagaimana yang ditentukan oleh SC.

